

Pendedahan mangsa jualan murah palsu

PETALING JAYA: Sehelai selimut tertera dua label harga iaitu RM455 dan selepas diberi diskaun kononnya sebanyak 80 peratus, maka harganya turun mendadak kepada RM109.20.

Ironinya, tarikh yang tertera pada label harga diskaun ialah 10 Ogos 2009 bermakna ia dicetak pada hari berkenaan sementara label dengan harga RM455 - yang kononnya harga asal - tertera tarikh 22 Julai 2010.

Kesimpulan mudahnya ialah, pengguna ditipu oleh pihak penjual yang tidak bertanggungjawab kononnya mereka menerima harga diskaun yang sangat menarik sedangkan pembeli membayar harga asal produk yang dijual itu.

Itu baru satu contoh barangan, sedangkan terdapat ribuan produk yang dijual di situ dengan tawaran potongan harga bagi menarik perhatian pembeli yang tanpa disedari mereka sebenarnya terpedaya.

Bayangkan keuntungan yang diperoleh peniaga sekiranya taktik serupa dilakukan setiap kali promosi jualan.

Tiada siapa yang menyangka, penipuan licik seperti itu didalangi oleh pusat membeli-belah terkenal, bukannya gerai di pasar malam atau di tepi-tepi jalan.

Merasakan dirinya tertipu dengan potongan harga yang disifatkan tidak masuk akal, seorang pengguna prihatin, Khairul Nizam Abd Maulud, 34, tampil mendedahkan perkara tersebut kepada Minggu Mstar baru-baru ini.

"Saya sangat kecewa dengan penipuan yang berlaku. Selalunya saya akan semak tanda harga sebelum diskaun. Tapi pada hari kejadian isteri saya terlepas pandang kerana dia pergi seorang diri. Lebih malang, tanda harga sebelum diskaun tertera tarikh Julai 2010 sedangkan harga ketika promosi pula memaparkan tarikh

MUKADIMAH:

Jualan murah, harga runtuh, tawaran potongan harga 50 hingga 80 peratus, di pusat membeli-belah sering mendapat perhatian yang menggalakkan daripada pengguna terutamanya golongan wanita yang gemar berbelanja sakan.

Persoalannya adakah jualan murah ini benar-benar wujud atau ia sengaja digunakan oleh peniaga untuk mengaut keuntungan lebih-lebih lagi menjelang musim perayaan seperti sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan disambut oleh umat Islam di seluruh negara kurang tiga minggu lagi. Ikuti laporan khas wartawan *Mingguan mStar* mengenai penipuan jualan murah yang diibaratkan sebagai 'duri dalam daging' terhadap masyarakat di negara ini.

asal produk berkenaan. Nampak sangat peniaga sengaja mencari keuntungan dengan cara yang mudah kerana mereka tahu pengguna pasti membeli produk pada harga yang murah," katanya.

Beliau yang juga pensyarah di sebuah Institut Pengajian Tinggi berkata, di sinilah pentingnya ilmu kepenggunaan, kerana ia dapat membantu pengguna membuat penilaian terhadap kesahihan harga sesuatu produk sebelum dan ketika promosi jualan murah diadakan.

"Membaca label dan tag harga



Perbandingan harga yang agak 'melampau' sebelum dan selepas jualan promosi. Perhatikan tarikh yang tertera pada kedua-dua label.

Syarat-syarat baru Pindaan Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan

(Harga Jualan Murah)

- 1) Pamerkan notis dan senarai barangan yang dijual ketika promosi jualan murah di premis masing-masing.
- 2) Peniaga boleh meminda atau menarik balik notis dengan mengemukakan notis bertulis kepada KPDKK dalam tempoh tujuh hari sebelum bermulanya promosi jualan murah.
- 3) Peniaga tidak boleh mengadakan jualan murah dalam 14 hari selepas tamat tempoh jualan murah sebelumnya.
- 4) Tempoh jualan murah tidak boleh melebihi 30 hari atau mengikut tempoh yang diluluskan oleh kementerian.
- 5) Membuat dua penandaan harga iaitu harga jualan murah dan harga yang ditawarkan sebelumnya.
- 6) Peniaga perlu memastikan tidak kurang daripada 70 peratus kesemua barangan di premis berkenaan perlu dijual pada harga yang lebih rendah ketika promosi dijalankan.

Sumber: KPDKK

GRAFIK MSTAR 2010

barangan yang dirasakan perlu dan jangan membazir dalam berbelanja, barulah kita boleh menjadi pengguna yang berhemah," katanya.

...mas pada upacara sambutan tahun
Ogos 2009.
"Di sini jelas menunjukkan
penipuan tanda harga oleh peniaga,
harga promosi yang diletakkan
pada barangan itu adalah harga

...membaca tag harga pada
adalah penting, tapi pengguna
sering mengabaikannya. Inilah
yang selalu menjadi punca kepada
penipuan tanda harga. Sikap tidak
suka membaca tag harga pada

produk perlu dikikis, kita perlu jadi
pengguna yang berhemah, biar kita
jadi pengguna yang 'alah membeli
menang memakai'.
"Ini tidak pantang ternampak

iklan jualan murah kita pasti akan
ke pusat beli-belah berkenaan
untuk membeli-belah. Kita harus
membuang sikap sedemikian,
sebaliknya kita perlu membeli

...Khairul Nizam berkata, penipuan
tanda harga ketika jualan murah
banyak berlaku di pusat beli-belah
terkemuka di negara ini saban
setahun.

PETALING JAYA: Orang ramai
akan lebih leka dan cuai semasa
membeli-belah khususnya semasa
jualan pada musim perayaan.

Menurut pemerhatian salah
seorang mangsa yang mendakwa
pernah tertipu dengan slogan
potongan harga, Khairul Nizam Abd
Maulud, 34, akibat kesesakan yang
melampau serta mahu cepat maka
pengguna akan memilih barangan
tanpa meneliti secara terperinci.

"Pada musim perayaan masalah
ini sangat berleluasa, kerana orang
ramai sibuk membeli-belah pakaian
untuk ahli keluarga. Dalam keadaan
orang ramai dan bersesak-sesak
mereka akan memilih tanpa melihat
secara terperinci terhadap produk.

"Di sini lah kecuaiannya pengguna,
kerana peniaga pasti akan
meletakkan tanda harga yang murah
selepas diskaun, sedangkan itulah
harga asal barangan berkenaan.
Hakikatnya diskaun tidak wujud
langsung pada barangan tersebut,"
katanya.

Beliau mendakwa, barangan
seperti pakaian kanak-kanak, kasut,
alas katil, selimut tebal merupakan
produk paling banyak berlakunya
penipuan tanda harga ini.

"Lebih malang, sekiranya
pengguna membeli barangan yang
telah rosak dan tamat tempoh
seperti produk makanan. Peniaga
sepatutnya lebih prihatin terhadap

produk yang mereka jual," katanya.

Jelasnya, sikap tidak kisah
masyarakat untuk membuat aduan
menyebabkan peniaga tidak takut
untuk melakukan penipuan tanda
harga pada barangan yang dijual.

"Sikap tidak kisah ini juga
merupakan faktor penyumbang
yang menyebabkan gejala penipuan
tanda harga ketika promosi jualan
murah sukar dibendung.

"Lebih menyedihkan apabila
pengguna tidak serik dan terus
memberi produk di pusat beli-belah
yang sama ketika promosi jualan
murah pada bulan seterusnya,"
katanya.


Biarpun ini kali kedua perkara
yang sama terkena pada
keluarganya, Khairul Nizam berkata,

beliau akan membuat aduan kepada
Kementerian Dalam Negeri, Koperasi
dan Kepenggunaan (KPDNKK) jika
perkara yang sama berulang lagi.

"Peniaga perlu jujur ketika
meletakkan tanda harga promosi
pada produk yang dijual ketika
jualan murah. Janganlah hanya
kerana ingin mengaut keuntungan
yang berlipat-ganda mereka
melupakan ihsan terhadap
pengguna. Kuasa beli pengguna
penting dalam mengatasi masalah
ini.

"Jika mereka ternampak
berlakunya penipuan tanda harga
ketika jualan murah ini segeralah
buat laporan kepada kementerian,"
katanya.

Bagi memberi kesedaran



Jualan murah sempena musim perayaan
seringkali menjadi landasan penipuan
tanda harga.

kepada pengguna beliau juga
turut menyebarkan maklumat
mengenai penipuan tanda harga
ketika promosi jualan murah yang
beliau sendiri alami kepada rakan-
rakannya di laman web sosial,
Facebook.

"Selepas memuat turun gambar
tag harga tersebut di akaun
Facebook saya, respon yang diterima
sangat menggalakkan. Ramai yang

kecewa dengan penipuan sebegini.
Ini juga salah satu cara untuk
menyampaikan maklumat kepada
orang ramai supaya menyedari
tentang masalah tersebut," katanya.

Pada masa yang sama, beliau
turut menggesa kerajaan
mengenakan denda lebih berat
terhadap peniaga yang didapati
bersalah melakukan penipuan tanda
harga.

Pengguna lebih cuai semasa musim perayaan

Aduan kes berkaitan jualan murah

Statistik bilangan permohonan jualan murah, aduan dan tindakan kes berkaitan jualan murah tahun 2008 hingga 30 Julai 2010.

	Permohonan	Aduan	Kes	Nilai rampasan
2010	12,223	48	144	564,352.00
2009	18,327	38	112	219,458.55
2008	17,129	24	353	9,148.17
JUMLAH	47,679	110	609	1,942,958.72

Sumber: KPDNKK

GRAFIK MSTAR 2010